

**TAHAP PEMBACAAN AL-QURAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI UiTM  
TERENGGANU**

Azarudin Awang  
Azman Che Mat  
Ahmad Nazuki @ Marzuki Yaakub

**UiTM Terengganu, Malaysia**

**Abstrak**

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti sejauhmana kemampuan pelajar UiTM Terengganu membaca al-Quran. Maklumat kajian diperoleh melalui dua cara, iaitu kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Melalui kaedah kuantitatif, maklumat diperoleh melalui sampel soal selidik daripada 500 orang pelajar diploma tahun akhir, dan kaedah kualitatif dilakukan melalui temu bual soalan berangka dengan 6 orang pelajar tahun akhir yang dipilih secara rawak. Data kajian yang dikumpul, diproses dengan menggunakan program windows SPSS versi 12.0. Penemuan kajian menunjukkan bahawa kemampuan para pelajar adalah sederhana dalam aspek asas pembacaan al-Quran dan dalam aspek-aspek tertentu masih ramai pelajar agak lemah seperti dalam menguasai pengetahuan tentang lagu, bacaan berlagu, pengetahuan hukum tajwid dan pembacaan secara bertajwid. Kajian menunjukkan juga bahawa wujudnya perbezaan penguasaan membaca al-Quran mengikut pemboleh ubah jantina, sekolah asal pengajian, bidang pengajian dan pencapaian mata pelajaran Agama Islam pada peringkat SPM.

**KataKunci:** kemampuan, membaca al-Quran, pelajar UiTM

**LEVEL OF READING QURAN AMONG STUDENTS AT UITM TERENGGANU****Abstract**

The study was conducted to identify the extent of students of UiTM Terengganu ability to read the Quran. The research data obtained in two ways, namely quantitative and qualitative methods. Through quantitative methods, information obtained through the sample survey of 500 final year diploma students, and qualitative methods through interviews with the numerical question for six final year students who were randomly selected. Data were collected, processed using the program SPSS windows version 12.0. The findings show that the ability of the students are simply the basic aspects of reading the Qur'an and in certain aspects is still rather weak, as many students in acquiring knowledge about the songs, melodious reading, legal knowledge and reading with *tajwid*. Studies showed also that the existence of differences mastering reading the Quran according to the variables of gender, home school education, field of study and achievement of Islamic subjects in the SPM.

**Keywords:** ability, reading the Koran, UiTM students

## PENGENALAN

Isu permasalahan membaca al-Quran yang meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran *fasohah*, *tilawah* bertajwid dan bacaan secara *tadwir* dan *tartil* dalam kalangan pelajar Islam berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau di Institusi Pengajian Tinggi. Mohd Faisal, Zawawi & Rahimi (2008) menjelaskan bahawa sehingga hari ini, masih didapati kebanyakan umat Islam di Malaysia pada peringkat umur dewasa mengenali huruf-huruf "*hijaiyah*" tetapi tidak mampu membaca al-Quran atau boleh membaca tetapi tidak lancar malah yang paling menyedihkan ada yang langsung tidak mengenali huruf atau diistilahkan "buta al-Quran". Mohd Zainul Arifien (2006) menjelaskan bahawa ramai murid yang lemah dalam aspek tilawah, lemah dalam aspek tajwid, aspek *makhraj* huruf, bahkan terdapat juga murid yang gagal membaca potongan ayat yang pendek dengan *makhraj* yang betul (buta al-Quran). Kenyataan beliau ini disokong dengan beberapa kajian, antaranya kajian yang dilakukan oleh Mohammad Naim Mat Salleh (2003) yang mendapati ada perbezaan yang signifikan antara jantina, pelajar yang bersekolah agama petang, mengaji di rumah, dan pemilikan buku *Iqra'* dengan pencapaian tilawah al-Quran mereka.

Sikap pelajar sendiri memberi kesan secara langsung terhadap tahap kebolehupayaan mereka menguasai pembacaan dengan baik. Menurut Awang Had Salleh (1986) salah satu punca pelajar mendapat keputusan yang rendah adalah disebabkan punca-punca dalaman diri pelajar. Pelajar tersebut mempunyai aspirasi dan cita-cita yang sederhana, semangat persaingan yang rendah dan ketiadaan motivasi yang kuat. Aminah Idris (1997) menjelaskan bahawa kebanyakan pelajar mempunyai minat dan sikap yang sederhana terhadap program Tilawah al-Quran malah program Tilawah al-Quran masih belum berjaya mengubah sikap pelajar menghayati nilai-nilai Islam sepenuhnya. Muhammad Fauzan dalam kajiannya (2006) mendapati bahawa sukatan Tilawah al-Quran merupakan bidang yang tidak popular dan tidak digemari oleh kebanyakan pelajar dalam subjek Pendidikan Islam. Perkara ini mungkin kerana kesukaran dan kurang minat serta kesedaran tentang perihal pentingnya Tilawah al-Quran sedangkan kemahiran membaca al-Quran merupakan salah satu bidang yang amat penting dalam mata pelajaran Pendidikan Islam. Keadaan ini membawa kepada pengabaian dan kegagalan penguasaan dalam bidang ini oleh pelajar. Antara kelemahan yang ketara sering dihadapi oleh pelajar-pelajar ialah penguasaan kemahiran *Fasohah*, *Makhraj Huruf* dan *Tajwid*. Kegagalan menguasai kemahiran-kemahiran ini menyebabkan pelajar-pelajar tidak dapat membaca al-Quran dengan baik dan lancar.

Selain dari itu teknik pembelajaran dan peranan pendidik juga perlu diambil kira bagi mencapai kejayaan yang baik. Menurut Abdul Raof (1998) gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa pengajaran yang berkesan. Pank (1976) pula menjelaskan bahawa pembelajaran seseorang yang berkesan ialah dengan mempunyai jadual belajar yang teratur, mengulangi pelajaran, memulakan pembelajaran dari awal dan tidak mudah menerima gangguan ketika belajar. Mohd Aderi Che Noh dan Rohani Ahmad Tarmizi (2009) mendapati bahawa guru-guru yang mengajar Pendidikan Islam perlu sentiasa mempertingkatkan kemahiran pengajaran Tilawah al-Quran yang mereka miliki dengan cara yang paling efektif agar murid dapat menguasai Tilawah al-Quran dengan berkesan.

Faktor minat dan tahap pengetahuan ilmu-ilmu al-Quran juga mendorong kemampuan pelajar membaca al-Quran dengan baik. Menurut Zaharah Bahari (2007) dalam kajiannya terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan kelebihan membaca al-Quran

dengan kekerapan membaca al-Quran. Begitu juga terdapat hubungan yang positif antara minat dengan kekerapan membaca al Quran serta antara pencapaian Pendidikan Islam PMR dengan kekerapan membaca al Quran dalam kalangan pelajar .


Peranan ibu bapa juga amat penting menentukan hala tuju anak-anak agar mengambil berat amalan membaca al-Quran. Mushgrove (1965) menjelaskan bahawa persekitaran dan peranan keluarga memainkan peranan yang penting dalam menentukan tahap pencapaian keupayaan akademik seseorang. Kajian yang dilakukan oleh Salina (2006) mendapati bahawa terdapat sebilangan kecil daripada responden yang tidak mendapat dorongan untuk membaca al-Quran daripada ibu bapa mereka.

Maka kajian ini dilaksanakan untuk memenuhi beberapa tujuan, iaitu:

1. Mengenal pasti sejauh mana tahap kemampuan pelajar UiTM membaca al-Quran,
2. Melihat perbezaan kemampuan membaca al-Quran berdasarkan faktor demografi,
3. Mengenalpasti faktor-faktor yang menyumbang kepada kemampuan pelajar membaca al-Quran.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini telah dilaksanakan berdasarkan satu kerangka teori rajah Tulang Ikan (*Fishbone*) atau rajah Ishikawa (1985) iaitu satu analisis yang dilakukan bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi sesuatu keadaan. Teori ini diperkenalkan oleh Kaoru Ishikawa yang juga dikenali sebagai rajah Sebab dan Akibat. Faktor sebab merangkumi aspek manusia sendiri, peralatan, kaedah dan persekitaran. Ia dibentuk berdasarkan pengalaman, pengetahuan, penyelidikan dan juga pengamatan secara kolektif berdasarkan kajian-kajian yang lepas.



Rajah 1 Rangka kerja teoritikal kajian adaptasi daripada (Mustaffa et al. 2005)

Unsur utama yang membentuk rajah ditentukan oleh tulang besar, sederhanadan kecil serta menetapkan akibat atau kesannya. Seterusnya sebab-musabab itu dapat dikenal dikenalpasti. Bentuk rangka analisis diagram *Fishbone* ada kemiripan dengan ikan, yang mengandungi bahagian kepala (sebagai *effect*) manakala tubuh ikan merupakan rangka serta duri-durinya digambarkan sebagai penyebab (*cause*) suatu permasalahan yang timbul. Tujuannya ialah proses dan aliran kerja untuk kajian ini dapat dilaksanakan dengan tersusun dan terarah. Dari gambar di bawah dapat dijelaskan bahawa faktor penyebab kepada masalah antara lain mungkin terdiri daripada: bahan (material), persekitaran, manusia dan

kaedah. Apabila "masalah" dan "penyebab" sudah diketahui secara pasti, maka tindakan dan langkah pemberian akan lebih mudah dilakukan.

## **Pengumpulan Data**

Dari aspek pengumpulan data, penyelidik menggunakan dua pendekatan, iaitu melalui kaedah kuantitatif iaitu sampel yang diambil menerusi soal selidik dan kaedah kualitatif iaitu melalui temu bual terhadap beberapa orang responden yang ditentukan.

### **Kuantitatif**

#### a. Soal selidik

Instrumen kajian ini iaitu soal selidik diadaptasi daripada soal selidik kajian yang lepas daripada Nasir Mohamad & Rubiyah Haron (1997) dengan beberapa pengubah suaian mengikut objektif kajian. Kebolehpercayaan soal selidik telah diuji dan didapati berada pada aras tinggi, iaitu ( $\text{Alpha} = .8$ ).

#### b. Persampelan

Populasi yang terlibat dalam kajian ini ialah pelajar tahun akhir peringkat diploma yang berjumlah 595 orang. Mereka merupakan pelajar daripada enam jenis kelompok program, iaitu Perakaunan, Pengurusan Perniagaan, Pengurusan Pentadbiran & Pengurusan Pejabat, Perhotelan, Sains Komputer dan Kejuruteraan. Pengumpulan data kuantitatif berjaya memperolehi 545 maklumbalas dan selepas disaring, hanya 500 orang pelajar mengikut enam jenis kelompok program berkenaan untuk dianalisis.

#### c. Analisis

Analisis penyelidikan ini dilakukan dengan menggunakan pakej SPSS versi 12.5. Data dianalisis dengan menggunakan peratus kekerapan manakala soalan-soalan yang menguji sama ada wujudnya signifikan tahap penguasaan mengikut jantina dan sekolah asal responden, penyelidik menggunakan analisis ujian-t. Analisis data bagi menguji sama ada wujudnya signifikan kebolehupayaan membaca al-Quran dari aspek pengkhususan dan kelulusan subjek mata pelajaran agama Islam peringkat SPM, penyelidik menggunakan analisis Khi Kuasa Dua (*Chi Square*).

### **Kualitatif**

Bagi mengukuhkan lagi dapatan penyelidikan ini, kaedah kualitatif iaitu temubual dilakukan ke atas enam orang pelajar tahun akhir ini. Soalan-soalan yang telah dirangka ditanya kepada responden kajian bagi melihat perbezaan dan persamaan data yang diperolehi bagi tujuan analisa. Data-data yang diperoleh ini digunakan bagi menyokong penyelidikan yang dibuat oleh penyelidik.

Beberapa item utama yang menjadi asas kepada soalan temu bual ini meliputi beberapa perkara berikut, iaitu;

1. Pengalaman awal membaca al-Quran (Sejak kecil hingga ke UiTM).
2. Amalan individu membaca al-Quran di UiTM.
3. Aktiviti di kampus yang berkaitan langsung atau tidak langsung dengan pembacaan al-Quran.
4. Pandangan dan harapan terhadap budaya pembacaan al-Quran.

## DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian dibahagikan kepada dua perbincangan, iaitu pertama ialah dapatan daripada soal selidik (kuantitatif) manakala daripada temu bual (kualitatif) pada bahagian kedua (3.3). Dapatkan temu bual ini menyokong data yang diperolehi daripada soal selidik. Oleh itu perbincangan bahagian ini diselang seli dengan dapatan yang diperolehi daripada data soal selidik.

### Tahap Keupayaan Diri dalam Membaca Al-Quran

Berdasarkan Jadual 1, 30% pelajar menganggap kebolehannya mengenali huruf al-Quran adalah sangat baik, 43.4 % baik, 22.4% sederhana, 2.8% lemah manakala 1.4 % adalah sangat lemah. Walaupun begitu terdapat perbezaan kebolehan dalam menyebut huruf al-Quran dengan betul 10% sangat baik, 44.5 % baik, 38.8% sederhana, 5.6 % lemah dan 0.8% sangat lemah.

Berdasarkan kajian, hanya 15.2% daripada responden berkebolehan menyebut Kalimah al-Quran dengan sangat baik dan 57.8% daripada mereka boleh menyebut kalimah al-Quran dengan baik, 24.6 dapat menyebut dengan sederhana, 2% lemah dan hanya 0.4% yang sangat lemah. Dapatkan kajian juga menunjukkan hanya 13.4% % responden yang boleh menyebut kalimah al-Quran yang bersambung dengan sangat baik, 51.2% dengan baik, 31.8% sederhana, 3.2 % lemah manakala 0.4% sangat lemah.

Responden yang dapat mengenal tanda bacaan dengan sangat baik hanya 11%, dengan baik sebanyak 43%, 39.6% sederhana manakala 5 % tidak berkeupayaan mengenal tanda-tanda bacaan dengan betul dan 0.6% yang tersangat lemah.

Berhubung dengan pengetahuan responden terhadap hukum Tajwid, hanya 2.8 % sahaja yang mempunyai pengetahuan sangat baik, dan 27.6% yang mengetahui dengan baik. Kajian juga menunjukkan bahawa 2.6 % sahaja yang mampu mengaplikasikan pengetahuan Ilmu Tajwid dalam bacaan al-Quran dengan sangat baik dan 29.4% yang boleh membaca al-Quran dengan baik.

Ditinjau dari aspek pengetahuan tentang lagu dan suara dalam pembacaan al-Quran, didapati hanya 0.4 % sahaja responden yang mempunyai pengetahuan asas dan berkemampuan dalam bidang tersebut dengan kadar sangat baik dan hanya 9.4% yang mempunyai pengetahuan yang baik. Perkarai ini dibuktikan dengan dapatan bahawa hanya 0.2 % daripada responden yang boleh membaca al-Quran secara berlagu dengan sangat baik dan 7.6% dapat melagukan bacaan al-Quran dengan baik.

Jadual 1 Persepsi pelajar terhadap keupayaan diri dalam membaca al-Quran

Bil	PERKARA	%Sangat Lemah	%Lemah	%Sederhana	%Baik	%Sangat Baik	%Jumlah
1.	Kebolehan Mengenal Huruf Al-Quran	1.4	2.8	22.4	43.4	30.0	100
2.	Kebolehan Menyebut Huruf Al-Quran Mengikut Makhraj Yang Betul	.8	5.6	38.8	44.2	10.6	100
3.	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	.4	2.0	24.6	57.8	15.2	100
4.	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Yang Bersambung.	.4	3.2	31.8	51.2	13.4	100
5.	Kebolehan Mengenal Tanda-tanda Bacaan Yang Terdapat Dalam al-Quran	.6	5.0	39.6	43.0	11.8	100
6.	Kebolehan Membaca Tentang Hukum Tajwid	2.6	14.2	52.8	27.6	2.8	100
7.	Kebolehan Membaca al-Quran Mengikut Hukum Tajwid Yang Betul	2.0	12.0	54.0	29.4	2.6	100
8.	Kebolehan Membaca al-Quran Dengan Berlagu	5.4	36.2	48.6	9.4	.4	100
9.	Kebolehan Membaca al-Quran Dengan Berlagu Keupayaan	7.6	39.6	45.0	7.6	.2	100
10.	Kebolehan Membaca al-Quran Dengan Betul	1.4	5.6	46.0	43.2	3.8	100
<b>Purata keseluruhan</b>		<b>2.26</b>	<b>12.58</b>	<b>40.36</b>	<b>35.68</b>	<b>9.08</b>	<b>100</b>

Secara purata 1.4 % responden menganggap kebolehan membaca al-Qurannya berada pada tahap yang sangat lemah, 5.6% dalam keadaan lemah, 46% sederhana, 43.2% baik dan 3.8% berkeadaan sangat baik. Walaupun dapatan di atas menunjukkan tahap pelajar adalah sederhana dalam menguasai Hukum Tajwid, tanda-tanda bacaan dan sebutan kalimah bersambung, tetapi pada keseluruhannya mereka mempunyai keyakinan yang tinggi membaca Surah al-Fatihah dengan betul. Penyelidikan menunjukkan bahawa 10.4% daripada mereka beranggapan bahawa mereka mampu membaca surah al-Fatihah dengan sangat baik dan 47.8% dapat membaca dengan baik, 37.2% sederhana manakala hanya 4% sahaja yang lemah dan 0.6 % yang sangat lemah.

Oleh itu boleh dijelaskan bahawa kebolehupayaan responden dalam mengenal dan menyebut huruf-huruf al-Quran, menyebut kalimah al-Quran, menyebut kalimah al-Quran yang bersambung, mengenal tanda bacaan dan keupayaan membaca al-Quran dengan betul agak tinggi. Kebolehupayaan responden dalam mengetahui hukum Tajwid dan membaca dengan bertajwid pula adalah sederhana baik. Manakala kebolehupayaan responden mengetahui lagu dan melagukan ayat-ayat al-Quran agak rendah.

#### **Perbandingan Tahap Kebolehan Membaca al-Quran Pembolehubah Jantina, Pencapaian Mata Pelajaran Agama Islam dalam SPM dan Pengkhususan**

Analisis-t sampel tidak bersandar digunakan bagi membandingkan skor min tahap penguasaan membaca al-Quran antara pelajar perempuan dan lelaki. Dapatan menunjukkan bahawa pelajar perempuan mempunyai kebolehupayaan membaca Al-Quran lebih tinggi (min = 3.40) berbanding pelajar lelaki (min = 3.28). Keputusan ujian-t membuktikan tidak wujud perbezaan signifikan antara kedua-dua min tersebut apabila tahap Levene's test bagi kebolehan mengenal huruf al-Quran, kebolehan menyebut kalimah al-Quran, keupayaan mengenal tanda bacaan, kebolehan membaca dengan bertajwid, kebolehan membaca berlagu dan kebolehan membaca al-Quran dengan betul adalah  $> 0.05$  dan nilai signifikan (2-tailed) dalam jadual ini ialah menunjukkan  $p > 0.05$ . Tahap Levene's test bagi kebolehan Mengenali Huruf Hijaiyyah, Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung dan Pengetahuan Lagu dan Suara Pembacaan al-Quran pula ialah  $< 0.05$  dan nilai signifikan (2-tailed) dalam jadual ini ialah  $p > 0.05$  juga membuktikan tidak wujud perbezaan signifikan antara kedua-dua min tersebut. Namun begitu terdapat signifikan yang ketara dalam Pengetahuan Hukum Tajwid antara kedua kelompok jantina ini apabila tahap Levene's test ialah 0.1548 dan nilai signifikan (2-tailed) dalam jadual ini ialah menunjukkan  $0.003 < 0.05$ .

Jadual 2 Purata perbandingan tahap penguasaan bacaan al-Quran dari aspek jantina

#### **Group Statistics**

	Jantina Responden	N	Mean
Kebolehan Mengenali Huruf al-Quran	Lelaki	141	3.8794
	Perempuan	359	4.0167
Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran	Lelaki	141	3.4965
	Perempuan	359	3.6156
Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	Lelaki	141	3.7943
	Perempuan	359	3.8774

Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung	Lelaki Perempuan	141 359	3.6596 3.7716
Keupayaan Mengenal Tanda Bacaan	Lelaki Perempuan	141 359	3.4397 3.6685
Pengetahuan Hukum Tajwid	Lelaki Perempuan	141 359	2.9716 3.2033
Kebolehan membaca dgn bertajwid	Lelaki Perempuan	141 359	3.0922 3.2228
Pengetahuan Lagu Dan Suara Pembacaan al-Quran	Lelaki Perempuan	141 359	2.5745 2.6546
Kebolehan Membaca Berlagu	Lelaki Perempuan	141 359	2.5035 2.5432
Membaca al-Quran Dengan Betul	Lelaki Perempuan	141 359	3.3830 3.4401
<b>Purata Keseluruhan</b>	<b>Lelaki Perempuan</b>	<b>141 359</b>	<b>3.28 3.40</b>

Jadual 3 Ujian-t penguasaan bacaan al-Quran dari aspek jantina

		Levene's Test for Equality of Variances				t-test for Equality of Means					
		F	Sig.	t	df	Sig.(2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
									Lower	Upper	
Kebolehan Mengenal Huruf Al-Quran	Equal variances assumed	3.588	.059	-1.584	498	.114	-.13728	.08669	-.30760	.03303	
	Equal variances not assumed			-1.522	236.785	.129	-.13728	.09019	-.31495	.04039	
Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran	Equal variances assumed	4.265	.039	-1.529	498	.127	-.11914	.07793	-.27226	.03397	
	Equal variances not assumed			-1.444	229.129	.150	-.11914	.08252	-.28174	.04345	
Kebolehan Menyebut	Equal variances	3.465	.063	-1.191	498	.234	-.08311	.06980	-.22025	.05403	

Kalimah al-Quran	assumed										
	Equal variances not assumed		-	1.151	239.36 9	.251	-.08311	.07221	-.22536	.0591 4	
Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung	Equal variances assumed	3.860	.050	-	1.522	498	.129	-.11201	.07358	-.25657	.0325 5
	Equal variances not assumed		-	1.460	235.92 4	.145	-.11201	.07670	-.26311	.0390 8	
Keupayaan Mengenal Tanda Bacaan	Equal variances assumed	2.827	.093	-	2.965	498	.003	-.22881	.07718	-.38044	.0771 8
	Equal variances not assumed		-	2.841	235.49 6	.005	-.22881	.08053	-.38745	.0701 6	
Pengetahuan Hukum Tajwid	Equal variances assumed	.152	.697	-	2.994	498	.003	-.23171	.07740	-.38378	.0796 4
	Equal variances not assumed		-	2.827	229.07 5	.005	-.23171	.08197	-.39322	.0702 0	
Kebolehan Membaca Dgn Bertajwid	Equal variances assumed	1.371	.242	-	1.753	498	.080	-.13064	.07452	-.27705	.0157 7
	Equal variances not assumed		-	1.626	221.73 6	.105	-.13064	.08036	-.28901	.0277 2	
Pengetahuan Lagu Dan Suara Pembacaan al-Quran	Equal variances assumed	7.628	.006	-	1.084	498	.279	-.08013	.07394	-.22540	.0651 5
	Equal variances not assumed		-	1.018	226.92 4	.310	-.08013	.07871	-.23522	.0749 7	
Kebolehan Membaca Berlagu	Equal variances assumed	1.346	.246	-	.530	498	.597	-.03963	.07483	-.18666	.1074 0
	Equal		-	.511	238.21	.610	-.03963	.07761	-.19252	.1132	

		variances not assumed			2					6
Membaca al-Quran Dengan Betul	Equal variances assumed	3.761	.053	-.799	498	.425	-.05713	.07151	-.19762	.0833 6
	Equal variances not assumed			-.742	222.54 6	.459	-.05713	.07695	-.20878	.0945 1

Ujian khi kuasa dua (chi square) menunjukkan bahawa wujud signifikan tahap penguasaan bacaan al-Quran mengikut gred pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam SPM apabila masing-masing nilai p adalah < 0.05. Oleh itu tahap pencapaian mata pelajaran Agama Islam SPM menentukan kebolehupayaan responden menguasai aspek-aspek pembacaan al-Quran.

Jadual 4 *Chi-square tests* perbandingan tahap penguasaan bacaan al-Quran dari aspek pencapaian matapelajaran pendidikan agama islam SPM

			Value	df	Asymp. Sig. (2- sided)
1	Kebolehan Mengenal Huruf al-Quran	Pearson Chi-Square	78.797(a)	28	.000
2	Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran	Pearson Chi-Square	106.988(a)	28	.000
3	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	Pearson Chi-Square	180.955(a)	28	.000
4	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung	Pearson Chi-Square	176.773(a)	28	.000
5	Keupayaan Mengenal Tanda Bacaan	Pearson Chi-Square	113.039(a)	28	.000
6	Pengetahuan Hukum Tajwid	Pearson Chi-Square	63.631(a)	28	.000
7	Kebolehan membaca dgn bertajwid	Pearson Chi-Square	75.886(a)	28	.000
8	Pengetahuan Lagu Dan Suara Pembacaan al-Quran	Pearson Chi-Square	59.859(a)	28	.000
9	Kebolehan Membaca	Pearson Chi-	55.601(a)	28	.001

10	Berlagu Membaca al-Quran Dengan Betul	Square Pearson Chi-Square	74.969(a)	28	.000
----	---	------------------------------	-----------	----	------

Analisis juga menunjukkan pelajar-pelajar dari aliran sains dan teknologi lebih berupaya membaca al-Quran daripada pelajar-pelajar dari jurusan sains sosial. Dapatan penyelidikan menunjukkan skor purata bagi pelajar dalam bidang Sains Komputer (CS) adalah paling tinggi, iaitu 3.55 diikuti oleh pelajar dari jurusan Akaun (AC) 3.51, Kejuruteraan 3.48, Perhotelan 3.31, Pengurusan Perniagaan (FPP) 3.30 dan Pengurusan Pejabat @ Pentadbiran (OM & AM) 3.29. Namun begitu analisis Khi Kuasa Dua mendapati bahawa tidak wujud perbezaan signifikan dalam aspek tahap keupayaan mengenal tanda bacaan, pengetahuan hukum tajwid, keupayaan membaca dengan bertajwid, pengetahuan lagu dan suara dalam membaca al-Quran, keupayaan membaca secara berlagu dan keupayaan membaca al-Quran dengan betul mengikut pengkhususan apabila nilai p pada tahap-tahap tersebut menunjukkan  $> 0.05$ . Manakala wujud signifikan dalam aspek tahap keupayaan mengenal huruf al-Quran, keupayaan menyebut huruf-huruf tersebut, keupayaan menyebut kalimah al-Quran, keupayaan menyebut kalimah yang bersambung mengikut pengkhususan apabila masing-masing menunjukkan nilai p  $< 0.05$ .

Jadual 5 Purata tahap penguasaan bacaan al-Quran mengikut pengkhususan

Bil	PERKARA	FPP	OM & AM	Jurutera	Hotel	AC	CS
1	Kebolehan Mengenal Huruf al-Quran	3.9	3.86	4.1	3.91	4.2	4.27
2	Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran Mengikut Makhraj Yang Betul	3.58	3.43	3.7	3.53	3.77	3.69
3	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	3.78	3.76	4.06	3.75	3.98	4.12
4	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Yang Bersambung.	3.65	3.7	3.92	3.6	3.92	3.96
5	Keupayaan Mengenal Tanda-tanda Bacaan Yang Terdapat Dalam al-Quran	3.56	3.56	3.68	3.54	3.78	3.61
6	Keupayaan Membaca al-Quran Dengan Betul	3.05	3.03	3.32	3.08	3.33	3.27
7	Pengetahuan Tentang Hukum Tajwid	3.11	3.08	3.29	3.18	3.29	3.38
8	Kebolehan Membaca al-Quran Mengikut Hukum Tajwid Yang Betul	2.58	2.63	2.64	2.6	2.75	2.73
9	Pengetahuan Lagu Dan Suara Dalam Pembacaan al-Quran	2.42	2.51	2.61	2.52	2.62	2.69
10	Kebolehan Membaca al-Quran Dengan Berlagu	3.35	3.33	3.51	3.41	3.46	3.77
Purata Keseluruhan		3.30	3.29	3.48	3.31	3.51	3.55

Jadual 6 *Chi-square tests* tahap penguasaan bacaan al-quran dari aspek pengkhususan

			Value	df	Asymp. Sig. (2- sided)
1	Kebolehan Mengenal Huruf al-Quran	Pearson Chi-Square	48.046(a)	20	.000
2	Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran	Pearson Chi-Square	42.438(a)	20	.002
3	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	Pearson Chi-Square	35.511(a)	20	.018
4	Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung	Pearson Chi-Square	35.142(a)	20	.019
5	Keupayaan Mengenal Tanda Bacaan	Pearson Chi-Square	20.742(a)	20	.412
6	Pengetahuan Hukum Tajwid	Pearson Chi-Square	26.261(a)	20	.157
7	Kebolehan membaca dgn bertajwid	Pearson Chi-Square	19.357(a)	20	.499
8	Pengetahuan Lagu Dan Suara Pembacaan al-Quran	Pearson Chi-Square	30.444(a)	20	.063
9	Kebolehan Membaca Berlagu	Pearson Chi-Square	17.345(a)	20	.630
10	Membaca al-Quran Dengan Betul	Pearson Chi-Square	22.402(a)	20	.319

Berdasarkan dapatan kajian ini juga ternyata pelajar-pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah agama mempunyai kelebihan dalam membaca al-Quran daripada para pelajar yang mendapat pendidikan dari sekolah biasa apabila ujian t (*t-test*) menunjukkan skor purata pelajar dari sekolah agama lebih tinggi daripada sekolah biasa dengan markah min. Skor min sekolah agama ialah (3.4439) manakala markah min bagi sekolah biasa ialah (3.3541). Walau bagaimana pun perbezaannya adalah tidak signifikan apabila kesemua *t.tailed* menunjukkan nilai  $p > 0.05$ .

Jadual 7: Jadual perbandingan tahap penguasaan bacaan al-quran mengikut aliran sekolah terakhir

	Sekolah Terakhir Sebelum Ke UiTM	N	Mean
Kebolehan Mengenal Huruf al-Quran	sek biasa	443	3.9571
	sek agama	57	4.1404
Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran	sek biasa	443	3.5576
	sek agama	57	3.7719
Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	sek biasa	443	3.8397
	sek agama	57	3.9649
Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung	sek biasa	443	3.7291
	sek agama	57	3.8246
Keupayaan Mengenal Tanda Bacaan	sek biasa	443	3.5914
	sek agama	57	3.7018
Pengetahuan Hukum Tajwid	sek biasa	443	3.1354
	sek agama	57	3.1579
Kebolehan membaca dgn bertajwid	sek biasa	443	3.1761
	sek agama	57	3.2632
Pengetahuan Lagu Dan Suara Pembacaan al-Quran	sek biasa	443	2.6275
	sek agama	57	2.6667
Kebolehan Membaca Berlagu	sek biasa	443	2.5350
	sek agama	57	2.5088
Membaca al-Quran Dengan Betul	sek biasa	443	3.4221
	sek agama	57	3.4386
Purata	sek biasa	443	3.3541
	sek agama	57	3.4439

Jadual 8 Ujian-t penguasaan bacaan al-Quran mengikut aliran sekolah

		Levene's Test for Equality of Variances				t-test for Equality of Means					
		F	Sig.	t	df	Sig. (2-tailed)	Mean Difference	Std. Error Difference	95% Confidence Interval of the Difference		
									Lower	Upper	
Kebolehan Mengenal Huruf al-Quran	Equal variances assumed	.494	.483	-1.493	498	.136	-.18324	.12277	-.42445	.05797	
	Equal variances not assumed			-1.432		69.568	.157	-.18324	.12799	-.43854	.07206
Kebolehan Menyebut Huruf al-Quran	Equal variances assumed	.477	.490	-1.946	498	.052	-.21437	.11018	-.43084	.00211	
	Equal variances not assumed			-1.860		69.450	.067	-.21437	.11524	-.44424	.01551
Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran	Equal variances assumed	1.344	.247	-1.267	498	.206	-.12518	.09881	-.31932	.06895	
	Equal variances not assumed			-1.157		67.878	.251	-.12518	.10821	-.34113	.09076
Kebolehan Menyebut Kalimah al-Quran Bersambung	Equal variances assumed	.451	.502	-.915	498	.361	-.09544	.10433	-.30042	.10954	
	Equal variances not assumed			-.795		66.385	.430	-.09544	.12007	-.33515	.14426
Keupayaan Mengenal Tanda Bacaan	Equal variances assumed	2.106	.147	-1.002	498	.317	-.11033	.11012	-.32669	.10602	

	Equal variances not assumed									
Pengetahuan Hukum Tajwid	Equal variances assumed									
	Equal variances not assumed									
	Equal variances assumed	1.963	.162	-.203	498	.839	-.02245	.11057	-.23969	.19478
Kebolehan membaca dgn bertajwid	Equal variances not assumed									
	Equal variances assumed	5.900	.015	-.823	498	.411	-.08709	.10576	-.29488	.12071
	Equal variances not assumed									
Pengetahuan Lagu Dan Suara Pembacaan al-Quran	Equal variances assumed	9.711	.002	-.373	498	.709	-.03913	.10480	-.24503	.16677
	Equal variances not assumed									
	Equal variances assumed									
Kebolehan Membaca Berlagu	Equal variances not assumed									
	Equal variances assumed	.717	.398	.247	498	.805	.02622	.10598	-.18200	.23443
	Equal variances not assumed									
Membaca al-Quran Dengan Betul	Equal variances assumed									
	Equal variances not assumed									
	Equal variances assumed	10.771	.001	-.163	498	.871	-.01647	.10130	-.21551	.18256
	Equal variances not assumed									

### Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Keupayaan Membaca al-Quran

Dapatan kajian menunjukkan pelajar-pelajar diploma tahun akhir agak baik dalam menguasai kemahiran atau pengetahuan mengenal dan menyebut huruf al-Quran, pengetahuan tentang kalimah-kalimah al-Quran dan maklumat tentang tanda-tanda bacaan.

Namun begitu mereka didapati kurang menguasai kemahiran atau pengetahuan yang lebih tinggi dan mencabar seperti kemahiran dalam ilmu tajwid, maklumat tentang bacaan berlagu dan penguasaan secara berlagu. Terdapat beberapa faktor yang mendorong keadaan ini.

#### **i.Faktor Pembimbing**

Sebahagian besar responden mendapat pendedahan awal pembelajaran membaca al-Quran daripada pembimbing yang tidak bertauliah. Ramai dibimbing oleh tok-tok guru dan ibu bapa sendiri yang tidak dilatih khas untuk membimbing membaca al-Quran. Ini bererti para pelajar tersebut tidak dibimbing secara teratur ketika mula belajar membaca al-Quran. Ini memberi kesan yang tidak langsung terhadap tahap kebolehupayaan responden membaca al-Quran. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa kebanyakan para pelajar mendapat pendedahan secara tidak formal pada awal usia 4 dan 5 tahun dari ibu-bapa di rumah, rumah-rumah tok guru, jiran, nenek dan saudara-mara. Malah responden yang hanya didedahkan ilmu tajwid hanya di sekolah-sekolah yang masa pembelajaran yang diperuntukkan sangat terbatas.

#### **ii.Faktor Peruntukan Masa Mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam**

Dapatkan kajian dari soal selidik dan temubual juga menunjukkan bahawa kebanyakan responden menerima pendidikan secara formal ilmu pengajian al-Quran apabila mereka masuk ke alam persekolahan. Di sekolah rendah, pengajian al-Quran dimasukkan dalam mata pelajaran Pendidikan Agama Islam yang hanya memperuntukkan masa yang terbatas dan mempunyai sukanan pelajaran yang agak luas iaitu meliputi aspek Tilawah al-Quran (bacaan, hafazan dan tafsir), asas Ulum al-Syariah( ibadah, akidah dan sirah), asas akhlak Islam dan sebagainya. Dalam masa yang sama juga ustaz atau ustazah dikehendaki menyempurnakan Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA) seperti kaedah pelaksanaan wuduk, tayammum, dan solat terhadap pelajar-pelajar mereka. Memandangkan sukanan Pendidikan Agama adalah berat dan pelbagai, peruntukan masa yang terbatas tidak memungkinkan pembelajaran membaca al-Quran dapat disempurnakan sebaiknya.

#### **iii.Faktor Kurang Penekanan Terhadap Ilmu Tajwid**

Walaupun dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan responden pernah mendapat pendedahan Ilmu Tajwid tetapi ia hanya berlaku secara tidak sengaja. Kesannya tidak ramai dalam kalangan mereka yang benar-benar menguasai Ilmu Tajwid. Malah ada yang langsung tidak tahu hukum-hukum asas yang terdapat dalam Ilmu Tajwid, apatah lagi mengaplikasikannya dalam bacaan al-Quran. Keadaan ini berpunca dari kurangnya penekanan terhadap Ilmu Tajwid semasa mereka belajar membaca al-Quran. Pembelajaran dan pengajaran yang tidak sistematik turut menjadi punca dan keadaan ini menjadi bertambah parah apabila dalam pendidikan Islam di sekolah, Ilmu Tajwid hanya disampaikan melalui penggabungan kemahiran Tilawah al-Quran sahaja. Peruntukan masa yang khusus untuk Ilmu Tajwid tidak disediakan. Ia lebih banyak bergantung kepada budi bicara guru itu sendiri. Manakala ada segelintir ibu bapa yang beranggapan Pendidikan Islam di sekolah sudah membebaskan mereka dari tanggungjawab memberi ilmu kepada anak-anak mereka khususnya yang berkaitan dengan ilmu Fardhu Ain, termasuk Ilmu Tajwid.

#### **iv.Faktor Sikap Ibu Bapa**

Sebahagian daripada ibu bapa yang mengutamakan pencapaian akademik dan membelakangkan kebolehan membaca al-Quran juga turut menyumbang kebolehupayaan

menguasai pembacaan al-Quran. Ramai ibu bapa akan terkilan sekiranya anak mereka tidak mencapai kejayaan cemerlang dalam peperiksaan awam tetapi tidak ramai yang terkilan jika anak mereka tidak boleh membaca al-Quran mengikut hukum tajwid.

**v. Sikap dan Kurang Penekanan Terhadap Amalan Membaca al-Quran dalam Kehidupan**

Kajian juga mendapati hanya sebilangan kecil sahaja responden yang kerap kali membaca al-Quran. Banyak yang tidak menjadikan membaca al-Quran sebahagian daripada amalan hidupnya. Sikap sambil lewa terhadap perkara tersebut telah menyebabkan tahap kebolehan membaca al-Quran yang rendah. Sikap pelajar yang tidak mementingkan amalan pembacaan al-Quran juga merupakan salah satu faktor yang menentukan sejauhmana mereka boleh membaca dengan baik. Sikap malas dan alasan tidak mempunyai masa yang cukup menyebabkan mereka gagal untuk memperuntukkan masa untuk melibatkan diri dalam pengajian al-Quran.

**vi. Kurangnya Aktiviti yang Meransangkan Kegiatan Pengajian al-Quran di dalam Kampus**

Berdasarkan kepada kajian ini juga, pengkaji mendapati bahawa antara salah satu faktor yang menyumbang kepada tahap ketidak upayaan membaca al-Quran dalam kalangan pelajar ialah faktor kurangnya aktiviti-aktiviti yang meransang ke arah pengajian al-Quran. Banyak pelajar yang masih tidak berpuashati dengan aktiviti pengajian al-Quran yang dilakukan di dalam kampus. Para pelajar hanya didedahkan program-program yang bersifat berkala seperti majlis bacaan Yaasin dan Tahlil, pertandingan Tilawah, Tadarus al-Quran pada bulan Ramadan. Manakala kelas tajwid yang dilaksanakan adalah bersifat terbatas dan bermusim.

## **KESIMPULAN**

Secara keseluruhan, kajian ini meneliti tahap kemampuan membaca al-Quran di kalangan pelajar-pelajar diploma tahun akhir UiTM Terengganu. Dapatan kajian menunjukkan tahap kebolehan membaca al-Quran pelajar tersebut adalah baik dalam aspek-aspek aras manakala dalam aspek pembacaan al-Quran yang lebih mencabar yang memerlukan kemahiran yang lebih tinggi, kebolehupayaan pelajar membaca al-Quran masih rendah. Juga didapati wujudnya perbezaan signifikan tahap kebolehan membaca al-Quran di kalangan pelajar perempuan dan lelaki.

Maka boleh juga disimpulkan di sini bahawa selama tiga tahun berada di UiTM Terengganu, kebanyakan pelajar tidak dapat mempertingkatkan kemampuan mereka membaca al-Quran. Malah tiada program khusus yang boleh membantu para pelajar memperbaiki kemampuan mereka membaca al-Quran. Kajian sebegini boleh dijalankan di IPT yang lain untuk melihat tahap pembacaan al-Quran dalam kalangan pelajar muslim. Kemungkinan dapatan yang diperolehi berbeza berdasarkan latar institusi dan kursus yang diikuti.

## RUJUKAN

- Abdul Raof Dalip. 1998. *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah*. UKM: Bangi
- Aminah Idris. 1997. *Penilaian Program Tilawah al-Quran Sekolah Menengah Rendah*. UKM: Bangi.
- Awang Had Salleh. 1986. Kaedah Kaunseling yang Kemaskini, Kertas kerja Seminar ke-2 Kaunseling USM, Pulau Pinang.
- Ishikawa, K. 1985. *What is Total Quality Control?*. New Jersey: Prentice Hall Inc.
- Mohammad Naim Mat Salleh. 2003. *Pencapaian Tilawah al-Quran Melalui Penggunaan Kaedah Iqra' di Sekolah-Sekolah Rendah Kebangsaan Daerah Setiu, Terengganu*. UKM: Bangi.
- Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi. 2009. Persepsi pelajar terhadap amalan pengajaran tilawah al-Quran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. UKM: Bangi.
- Mohd Faisal, Mohammad Zawawi & Rahimi. 2008. *Celik al-Quran: Cabaran dan Realiti dalam Pendidikan Islam di Sekolah*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Mohd Zainul Arifien bin Mohd. 2006. *Kaedah Pembelajaran Tajwid dan Hafazan al-Quran*. Fakulti Pendidikan: UKM.
- Muhammad Fauzan Abdul Wahid. 2006. *Meningkatkan Kemahiran Membaca al-Quran Menerusi Latihan Amali & Tasmik al-Quran*. Institut Perguruan Bahasa-Bahasa Antarabangsa: Kuala Lumpur.
- Mushgrove, Frank. 1965. *Youth and Social Order*. United States: Indiana University Press.
- Mustafa Mohamed Zain, Rosman Mahmud, & Moktar Awang. 2005. *Kegagalan Pelajar Menamatkan Pengajian dalam Tempoh Minima yang Ditetapkan*. Dungun: UiTM.
- Mohamad Nasir & Rubiyah Haron. 1997. *Tahap Penguasaan Bacaan al-Quran di Kalangan Guru Pelatih Bukan Penghususan Pengajian Agama Islam*. Alor Setar: Institut Perguruan Darul Aman.
- Pank, Walter. 1976. *How to Study in College*. Boston: Houghton Mifflin Company.
- Salina Binti Sa'don. 2006. *Persepsi Pelajar Tingkatan 2 Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1 Terhadap Pembelajaran Tilawah al-Quran*. UTM: Skudai.
- Zaharah Binti Bahari. 2007. *Amalan Membaca al-Quran di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Daerah Port Dickson*. UKM: Bangi.

Corresponding author: [azman531@tganu.uitm.edu.my](mailto:azman531@tganu.uitm.edu.my)